

## Mahasiswa UMP berbakti di Pulau Tioman



Tioman, 9 Mei- Pulau Tioman menjadi tumpuan pencinta alam dengan kejernihan air laut dan keindahan pulau yang terpilih antara 10 pulau tercantik dunia.

Dalam usaha menjalankan tanggungjawab sosialnya dan menyemai sikap prihatin terhadap hidupan laut serta terumbu karang, sejak tiga tahun lalu sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya melabuhkan tukun tiruan yang menjadi tumpuan sebagai habitat hidupan marin di Taman Laut Kampung Tekek di Pulau Tioman ini.



Baru-baru ini diadakan lawatan (retreat) bagi melihat sejauh mana keberkesanan tukun ini setelah dua tahun dilabuhkan. Menurut ketua projek yang juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Gan Leong Ming berkata, tukun tiruan ini berjaya menjadi tempat pembiakan hidupan laut pelbagai spesies ikan dan hidupan marin. Pihaknya mengadakan retreat ini untuk menilai sejauh mana pencapaian tukun tiruan tersebut dalam peningkatan populasi hidupan laut di taman laut tersebut.

Bersempena dengan itu, dalam masa yang sama turut berlangsung program motivasi membabitkan mahasiswa dari Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS) yang diadakan di SK Juara, Kg Juara. Seramai 19 mahasiswa UMP menjalankan pelbagai aktiviti bersama dengan 32 orang pelajar sekolah berkenaan.



Bagi Presiden PERSIS, Hasanudin Ahmad dari Fakulti Pengurusan Industri yang kini di tahun ke-2 berkata, program sebegini bertujuan untuk memantapkan motivasi pelajar supaya mereka sentiasa bersemangat.

"Pelbagai aktiviti dijalankan dengan modul yang berteraskan kesedaran sivik seperti salah Siapa, Malu Bertanya Sesat Jalan, Pujian dan Adrenaline Rush. Pelajar juga dihiburkan dengan tarian kecergasan yang mudah seperti Pingu Dance dan Happy day bersama-sama fasilitator," katanya. Turut hadir sama Guru Besar SK Juara, Abdul Karim Yunus.



Pelajar UMP juga berpeluang menyertai kejohanan SAS International Eco Challenge 2015 anjuran SAS Eco Challenge Sdn.Bhd dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia, Lembaga Tindakan Pelancongan Pahang dan Berjaya Tioman Beach Resort & Spa.

Peserta dari UMP, Muhamad Shukry Md Yunus dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berjaya menamatkan larian sejauh 17 km manakala Mohd Norhisyam Yupi@Iskandar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (FKEE) menamatkan larian sejauh 20km. Begitu juga dengan Muhammad Mohd Yusof dari Fakulti Pengurusan Industri berjayaan menamatkan keseluruhan larian sejauh 30km dan memperolehi tempat ke-22 daripada 175 peserta yang menyertai kejohanan.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 08-06-2015, 08:34:59